

NO. SOALAN: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH : 28.11.2017

SOALAN : 38

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menerima peruntukan RM5 juta untuk Yayasan Prihatin SPRM dan sama ada ini akan mengkompromikan integriti dan profesionalisme SPRM.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pengumuman mengenai pemberian dana berjumlah RM5 juta telah dibuat oleh YAB Perdana Menteri semasa ucapan perasmian Ulangtahun BPR/SPRM ke 50 dan Bangunan Baharu SPRM pada 1 Oktober 2017. Bagaimanapun, Yayasan Prihatin masih belum

79

menerima peruntukan berkenaan yang masih dalam proses di pihak Kementerian Kewangan.

Peruntukan dana tersebut adalah dari peruntukan Kerajaan yang dipohon dan diperolehi mengikut prosedur kewangan. Pemberian ini tidak akan menjejaskan atau mengkompromikan integriti dan profesionalisme SPRM kerana pelaksanaan tanggungjawab SPRM adalah berdasarkan bidang kuasa yang ditetapkan di bawah Akta SPRM 2009. Siasatan SPRM terhadap mana-mana orang adalah berdasarkan keterangan fakta dan keterangan kes tanpa prejudis kepada mana-mana pihak. Dalam masa yang sama, penjalanan fungsi SPRM sentiasa dipantau oleh Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah, Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah , Panel Rundingan dan Pencegahan Rasuah, Panel Penilaian Operasi dan Jawatankuasa Aduan yang bertanggungjawab memastikan integriti dan profesionalisme SPRM sentiasa terpelihara;

Sekian, terima kasih.